

15 JUN 2000

Maulidur-Sambutan/ / (Rangkuman)

UMAT ISLAM SAMBUT MAULIDUR RASUL 1421H

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Yang Di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah hari ini mengetuai hampir 10,000 umat Islam dalam sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan Tahun 1421 Hijrah.

Sambutan yang diadakan di Stadium Putra Bukit Jalil di sini turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Perayaan yang bertemakan "Bersyukur Tanda Keteguhan Iman" itu dimulakan dengan perarakan beramai-ramai oleh kakitangan dari jabatan-jabatan kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan serta murid-murid dari beberapa buah sekolah sekitar ibu negara.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan pengkisahan sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW sejak dilahirkan hinggalah kepada kewafatannya yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kebudayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kumpulan Tunas Budaya, Maktab Tentera Diraja Sungai Besi serta kumpulan nasyid daripada pelajar-pelajar sekolah.

Di majlis itu, Seri Paduka juga berkenan menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul 1421H kepada 11 penerima yang dipilih berdasarkan sumbangan dan jasa mereka kepada kemakmuran dan kesejahteraan hidup umat Islam di negara ini.

Di IPOH, Sultan Perak Sultan Azlan Shah dan Raja Perempuan Tuanku Bainun menyertai lebih 1,200 umat Islam dalam sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri.

Dalam ucapannya, beliau bertitah rakyat harus berhati-hati dan berwaspada terhadap maklumat yang diperolehi melalui komputer dan alat komunikasi yang serba canggih berikutan perkembangan teknologi maklumat pada masa ini.

"Beta amat khuatir terdapat anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab menggunakan "medium" berkenaan untuk menyebarkan ajaran salah, menabur fitnah atau seumpamanya yang mana akhirnya akan membawa keruntuhan umat Islam," titah baginda pada majlis di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Yang turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan pemimpin-pemimpin negeri dan ketua-ketua kerajaan.

Baginda juga bertitah sekiranya timbul keraguan terhadap sesuatu maklumat khususnya persoalan agama, hendaklah dirujuk kepada pihak yang mempunyai authoriti dan mahir dalam bidang itu.

"Penerimaan maklumat yang tidak sahih secara melulu tanpa disaring dan diteliti, boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Masyarakat akan keliru dan akhirnya boleh menimbulkan perpecahan," titah baginda.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai berkata rakyat negeri ini harus bersyukur dengan keadaan negara yang aman dan makmur yang membolehkan mereka melaksanakan tuntutan agama dalam keadaan selesa tanpa sebarang sekatan.

"Keadaan seperti ini tidak terdapat di negara-negara lain yang tidak menikmati keamanan, mereka tentunya tidak berpeluang berkumpul sepertimana perhimpunan kita pada hari ini," kata beliau pada sambutan Maulidur Rasul yang dihadiri lebih 2,000 orang di Padang Merdeka.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Hassan Alban Sandukong serta semua anggota Kabinet negeri.

Terdahulu, Osu berkata umat Islam harus bertekad untuk meningkatkan imej agama bagi mengikis prejudisme yang timbul dari masyarakat Barat terhadap Islam.

Beliau berkata masyarakat Barat berasa bimbang dengan pengaruh agama

Islam sehingga banyak karya penulisan, artikel serta penyelidikan mengenai mengenai Islam diterbitkan yang mencerminkan kebimbangan mereka.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah umat Islam perlu sentiasa berusaha ke arah mengembalikan semula maruah dan jati diri ummah melalui kekuatan aqidah Islamiah yang tulen.

Titah baginda umat Islam mulai dipandang sebelah mata oleh musuh-musuh Islam, bukan kerana jumlahnya yang sedikit, tetapi kerana umat Islam telah mulai membuang aqidah Islamiah dari dalam diri mereka.

"Musuh-musuh sentiasa ingin menjatuhkan kita ke lembah kehinaan," titah baginda pada majlis sambutan Maulidur Rasul yang dihadiri kira-kira 3,000 orang di Stadium Negeri.

Hadir sama Menteri Besar Haji Abdul Hadi Awang.

Titah baginda pelbagai strategi dilakukan oleh musuh Islam termasuk penjajahan pemikiran umat Islam setelah penjajahan melalui fizikal dan peperangan gagal dilakukan mereka.

Di SEREMBAN, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar dan Tuanku Ampuan Najihah berangkat menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul di padang Majlis Perbandaran Seremban.

Turut hadir Undang Yang Empat, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim serta ketua-ketua jabatan.

Mohamed Isa dalam ucapannya menyeru umat Islam supaya sentiasa bersyukur dengan apa yang dinikmati, agar nasib malang yang telah menimpa umat Islam di seluruh dunia tidak berlaku di negara ini.

Katanya, umat Islam sewajarnya melihat apa yang berlaku di negara Islam lain sebagai iktibar untuk memperbetulkan kesatuan umat Islam dan mengelak daripada berpecah belah kerana ia akan hanya memberi kesan negatif kepada umat Islam itu sendiri.

Sebanyak lebih 3,000 peserta dari 76 kontinjen yang mewakili jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), swasta dan pusat pengajian di negeri ini menyertai perarakan itu.

Di KEDAH, Sultan Kedah berangkat menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul di Masjid Akar Peluru, Jalan Pegawai, Alor Setar, malam tadi.

Hadir sama Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, pegawai-pegawai kerajaan dan orang ramai.

Majlis dipenuhi dengan bacaan Yasin, syarahan agama dan sembahyang berjemaah.

Masjid-masjid di seluruh negeri juga mengadakan acara sambutan hari ini dengan mengadakan perhimpunan dan syarahan agama.

Universiti Utara Malaysia (UUM) turut mengadakan sambutan di kampusnya di Sintok yang disertai 7,000 orang yang sebilangan besarnya pelajar.

Perhimpunan yang diikuti perarakan bermula di Kompleks Sukan UUM hingga ke Masjid Sultan Badlishah UUM sejauh 3 km diikuti ceramah agama dan persembahan nasyid.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor bertitah ibu bapa harus berani mengingatkan anak mereka tentang pentingnya untuk memperkukuhkan akidah dan iman dalam zaman yang serba mencabar kerana pembentukan anak terletak pada mereka.

"Jangan takut untuk mengingatkan yang muda-muda pada zaman moden ini. Apa corak yang kita hendak gunakan, itulah jadinya," titah baginda pada sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri yang dihadiri kira-kira 6,000 orang di Masjid Sultan Abu Bakar.

"Kita umat Islam ada akidah dan awak jangan takut. Biar dia menangis dan jangan kita yang menangis (kelak)," titah Sultan Johor lagi.

Menurut baginda, Nabi Muhammad SAW adalah contoh teladan terbaik yang harus dijadikan ikutan umat Islam sama ada dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Sultanah Johor Tunku Mahkota Johor dan Tunku Bendahara. Hadir sama Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Mohd Ali Rustam mengetuai 6,000 orang

mewakili pelbagai pertubuhan dalam perarakan sambutan Maulidur Rasul yang bermula dari Stadium Kubu ke Masjid Al-Azim, Bukit Palah.

Ketika berucap di majlis itu, Mohd Ali mahukan umat Islam di negeri ini berterima kasih kepada sesama manusia terutama mereka yang telah memberi khidmat, jasa dan pengorbanan khususnya ibu bapa, guru-guru dan pemimpin.

"Sesungguhnya kejayaan sesuatu umat Islam khususnya dalam menghayati ajaran Allah dan Rasulnya adalah bergantung kepada kekuatan pemimpin umat itu sendiri," katanya.

Beliau berkata umat Islam tidak akan maju dan syariat Islam tidak akan dilaksanakan sekiranya kepimpinan umat Islam tidak mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama.

Katanya, bertepatan dengan tema sambutan "Bersyukur Tanda Ketuguhan Iman", umat Islam dituntut bersyukur kepada Allah dan Nabi Muhammad SAW atas segala nikmat yang dikurniakan.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir mengingatkan umat Islam agar sentiasa mengawal diri daripada bercakap atau berucap yang menyakiti hati orang lain dan mengenang cara perjuangan Nabi Muhammad SAW yang tidak pernah menyakiti hati sesiapaupun ketika berdakwah.

Beliau kesal kerana umat Islam hari ini semakin jauh dari Tuhan apabila mereka begitu sibuk mengejar kemewahan hidup.

"Sikap tidak bersyukur itu akan membawa bencana kerana Allah boleh memusnahkan segala kekayaan oleh manusia dengan sekelip mata sahaja", kata beliau pada sambutan yang dihadiri 2,000 orang di Dewan Kompleks Masyarakat Penyayang.

Terdahulu, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata, pemimpin masyarakat haruslah berhenti daripada memperalatkan agama untuk tujuan politik kerana perbuatan itu adalah bercanggah dengan Islam.

"Perbuatan memperalatkan agama bagi tujuan politik itu boleh mencemarkan kesucian Islam yang sentiasa mencintakan kedamaian dan keharmonian sosial," kata beliau.

Pada majlis itu juga, seorang tokoh masyarakat, Wan Shauket Che Teh, 82, dipilih tokoh Maulidur Rasul peringkat negeri tahun ini.

Di SARAWAK, Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce menyertai 5,000 umat Islam menyambut perayaan Maulidur Rasul di Limbang yang terletak di utara negeri ini.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran serta persembahan nasyid dan diakhiri dengan perarakan.

Di KELANTAN, sambutan peringkat negeri diadakan di masjid-masjid serta secara kecil-kecilan oleh individu.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan rombongan kerajaan negeri kini berada di Kemboja bagi lawatan rasmi selama empat hari dan dijangka balik malam esok.

Di JELI, Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed mengetuai sambutan peringkat kawasan Parlimen Jeli.

Sambutan dimulakan pada pukul 7.30 pagi dengan perarakan seramai 1,000 orang, sejauh satu kilometer dari Bukit Bunga hingga ke Kompleks Umno Bukit Nangka.

Majlis sambutan itu juga diserikan dengan ceramah agama, bacaan Al-Quran dan nasyid.

-- BERNAMA

RDY RAR ES RI